

**HUBUNGAN TRET PERSONALITI DENGAN BIDANG
KERJAYA DALAM PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK**

MINGGU BIN AMAT

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN.**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2014

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JADUAL : HUBUNGAN TRET PERSONALITI DENGAN BIDANG KERJAYA DALAM PSIKOMETRIK.

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : MINGGU BIN AMAT

SESI : 2012/2014

Mengakui membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk Tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran Antara institusi pengajian tinggi.

4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah

Keselamatan atau kepentingan Malaysia

TERHAD

seperti yang termaktub di dalam (AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan.

Disahkan oleh:

.....
(MINGGU BIN AMAT)

.....
(DR. ANUAR BIN DIN)

Tarikh : 23 Julai 2014

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan

PENGESAHAN

NAMA : MINGGU BIN AMAT

NO. MATRIK : MT1212096 T

**TAJUK : HUBUNGAN TRET PERSONALITI DENGAN BIDANG
KERJAYA DALAM PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK**

IJAZAH : SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN

TARIKH VIVA : 2014

DISAHKAN OLEH

PENYELIA

DR. ANUAR BIN DIN

.....

(TANDA TANGAN)

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 Mei 2014

(MINGGU BIN AMAT)

Penghargaan

Di panjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan rahmatnya, yang memberikan kekuatan dan kemudahan kepada saya untuk meneruskan pengajian ke peringkat sarjana pada tahun 2012 hingga 2014 dan dengan iradat penyempumaannya jua tugas ini dapat disempurnakan.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar kepada saya selama pengajian dua tahun ini terutamanya kepada Penyelia saya iaitu Dr. Anuar Bin Din yang memberikan bimbingan dengan penuh sabar dan dedikasi. Penyelaras program sarjana iaitu Prof. Madya Dr. Baharom Mohamad, Dr. Roslee Bin Talip, Dr. Shukri Hj Zain dan Dr. Fertis Hj Bahari. Tidak lupa juga Dr. Khalid Hj. Johari, Prof. Tajuddin Hj Mahmud (UKM), En. Norie Keegen Usin dan En. Juwilin Kuin.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pengarah Pendidikan WP Labuan, Pengetua dan rakan-rakan guru SMK Mutiara W.P Labuan serta rakan-rakan khususnya En. Amir Solibung, En. Melvyn Sigoh, Pn. Junainah Raji dan En. Mohd Reno Idris.

Terima kasih tidak terhingga kepada isteri saya Puan Hajah Siti Muslihat@Siti Muslihah Hj Leeudin, arwah ibu saya Hajah Sapiah@Namit Saban, arwah ayah saya Haji Amat@Muhammad Sulaiman Pasi Jariah yang telah menanamkan semangat kental untuk berjaya dan anak-anak Ili Nurathirah, Arina Dhamirah dan Aisyah Aina yang sentiasa berkorban dan membantu.

Sekian, terima kasih.

Minggu bin Amat

Mei 201

ABSTRAK

HUBUNGAN TRET PERSONALITI DENGAN BIDANG KERJAYA DALAM PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti adakah terdapat hubungan antara Tret Personaliti dengan Bidang Kerjaya beracuankan Teori Kerjaya Holland yang dijadikan asas instrumen pelaksanaan Pentaksiran Psikometrik dalam Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) sebagai sub komponen. Satu set soal selidik dengan nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach 0.956 bagi Tret Personaliti dan 0.926 bagi Bidang Kerjaya telah diedarkan untuk populasi 1680 murid sekolah-sekolah harian di Wilayah Persekutuan Labuan. 400 naskah soal selidik diedar dan hanya 312 dapat dikutip semula. Dari bilangan 200 responden yang lengkap hanya 132 sahaja yang layak mewakili populasi kajian dijadikan sampel. Subjek kajian terdiri daripada murid tingkatan empat di tujuh buah sekolah harian. Dapatan data analisis statistik Korelasi Pearson dengan menggunakan *SPSS versi 21*, kajian menunjukkan Tret Personaliti dengan Bidang Kerjaya mempunyai aras hubungan positif signifikan, yang berupaya dijadikan bukti kukuh perlunya pengurusan dan perancangan memilih kerjaya murid dilaksanakan di sekolah-sekolah menggunakan data Tret Personaliti bagi setiap murid secara *congruence* atau keserasian. Implikasi dapatan keseluruhan kajian akan menyumbang informasi berguna berkaitan hubungan Tret Personaliti dengan Bidang Kerjaya terutama kepada kalangan kaunselor sekolah, pengurus sekolah, ibubapa dan murid.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the correlation in Personality Traits with Job Factors or Career Types (Psychometric) based on Holland's Career Theory as a sub component in Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) or school based evaluation. About 1680 populations of form four students from seven daily secondary school in Labuan Territory, 132 sampling out of 200 respondents selected as subject to this research. As such, the researcher also intends to identify the six correlation between Personality Traits and Career Types / Job Factors out of 90 correlations as students' basic point to choose their career. A set of questionnaire with the reliability of the survey instrument being Cronbach Alpha 0.956 for Personality Traits and 0.926 for Career Types/ Job Factors was distributed. The findings were Pearson Correlation using SPSS version 21. Overall, the study showed the significant positive correlation exist at certain level of the Personality Traits and Job Types / Factors. Majority of the Personality Traits were significantly correlated with the Job Types / Factors to help students to match their True Reasoning or congruence technic in choosing their career. Implications of the overall study provide important information regarding the relation of Personality Traits and Job Types especially among schools' counsellors, schools' managers, parents and students.

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Pengesahan	
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	vi
Abstract	vii
Isi Kandungan	viii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	x
Senarai Singkatan	xi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	2
1.3	Pernyataan masalah	4
1.4	Tujuan kajian	5
1.5	Objektif kajian	6
1.6	Soalan kajian	7
1.7	Hipotesis kajian	7
1.8	Signifikan kajian	8
1.9	Skop kajian	8
1.10	Batasan kajian	9
1.11	Definisi operasional	10
1.12	Kesimpulan	14

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Literatur Berkaitan	16
2.3	Teori Kerjaya	18
2.4	Teori Personaliti	19
2.5	Teori Pengurusan	22
2.6	Kajian-kajian Lepas	24
2.7	Kerangka Kajian	25
2.6	Kesimpulan	29

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Lokasi Kajian	32
3.4	Populasi Kajian	32
3.5	Sampel dan Persampelan Kajian	33
3.6	Instrumen kajian	33
3.7	Prosedur Kajian	40
3.8	Pengumpulan dan Penganalisan Data	41
3.9	Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam Tret Personaliti	44
3.10	Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam Bidang Kerjaya	45
3.11	Kesimpulan	45



BAB 4:	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	47
4.2	Analisis Hipotesis Kajian	47
4.3	Kesimpulan	53
BAB 5:	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	55
5.2	Rumusan	55
5.3	Perbincangan	56
5.4	Implikasi Kajian	67
5.5	Cadangan Kajian Lanjut	69
5.6	Penutup	70
BIBLIOGRAFI		72



LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Surat Pengesahan Status Pelajar
Pascasiswazah Sekolah Pendidikan
dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah ,

LAMPIRAN B

Surat Kelulusan Khas Untuk
Menjalankan Kajian Di Sekolah,
Institut Perguruan, Jabatan
Pendidikan Negeri Dan
Bahagian-bahagian Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia
dari Bahagian Perancangan dan
Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

LAMPIRAN C

Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
Di Sekolah- sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia
Wilayah Persekutuan Labuan.

LAMPIRAN D

Soal Selidik Kajian

LAMPIRAN E

Jadual Penentuan Saiz Sampel
Krejcie dan Morgan, 1970



SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Halaman
Jadual 3.1	Petunjuk Skor, singkatan dan Penyata Pilihan Jawapan Set Soal Selidik	34
Jadual 3.3	Pemilihan Alat Statistik	37
Jadual 3.4	Aras Nilai Pekali Kebolehpercayaan	38
Jadual 3.5	Analisis Kebolehpercayaan Item Soal Selidik	39
Jadual 3.6	Magnitud Nilai Korelasi	42
Jadual 3.7	Pemilihan Alat Statistik Pengujian Hipotesis	43
Jadual 3.8	Analisis kebolehpercayaan ketekalan dalam tret Personaliti	45
Jadual 3.10	Analisis Kebolehpercayaan Bidang Kerjaya	45
Jadual 4.1	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Tret Personaliti Dengan Bidang Kerjaya Realistik	48
Jadual 4.2	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Tret Personaliti Dengan Bidang Kerjaya Investigatif	49
Jadual 4.3	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Tret Personaliti Dengan Bidang Kerjaya Artistik	50



Jadual 4.4	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Tret Personaliti Dengan Bidang Kerjaya Sosial	54
Jadual 4.5	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Tret Personaliti Dengan Bidang Kerjaya Enterprising	52
Jadual 4.6	Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Tret Personaliti dengan Bidang Kerjaya Konvensional	53
Jadual 4.7	Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian	54



SENARAI RAJAH

RAJAH		HALAMAN
Rajah 2.1 :	Kerangka Kajian	29

SENARAI SINGKATAN

PPsi	Pentaksiran Psikometrik
IMK	Inventori Minat Kerjaya
ITP	Inventori Tret Personaliti
SPSS	Statistic Package For Social Sceince.
R	Realistik
I	Investigatif
A	Artistik
S	Sosial
E	Enterprising
K	Konvensional
P	Aras Signifikan
r	Pekali Korelasi
N	Bilangan Sampel Kajian



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian mendapati bahawa masalah pemilihan kerja adalah antara masalah kategori terbesar yang sering dikemukakan oleh remaja. Selain daripada sebab-sebab persekitaran yang memberi pengaruh dalam keputusan remaja memilih kerjaya, masalah kerjaya juga datang daripada diri remaja sendiri iaitu disebabkan masalah minat, kurangnya kemahiran dalam membuat pemilihan di samping kekurangan maklumat tentang sesuatu kerjaya. Sidek Mohd Noah (1998), memperturunkan tiga sebab utama mengapa berlakunya kesukaran membuat pemilihan kerjaya di kalangan remaja iaitu pertama, masalah tidak dapat membuat keputusan kerana mempunyai minat dalam pelbagai bidang, minat tidak jelas ataupun tidak mempunyai minat langsung pada apa-apa kerjaya. Kedua, tiada kesempurnaan semasa membuat pilihan, iaitu remaja tidak dapat mengagak dengan baik minat, kebolehan dan personalitinya. Kerana itu pilihan kerjaya yang dibuat tidak setimpal dengan sifat-sifat peribadinya. Ketiga, kekurangan pengetahuan dan maklumat berkenaan pekerjaan atau kerjaya dan akhirnya menimbulkan masalah identiti.

Hairunnaja Najmuddin (2007), kebanyakan remaja tidak dapat maklumat atau kurang maklumat dan bimbingan yang sewajarnya daripada ibubapa mereka dan individu dewasa lain yang hampir dengannya bagi menentukan minat, kebolehan dan personaliti diri, sama ada ia sesuai dengan bidang pengajian yang dipilih ataupun tidak. Urusan memilih pekerjaan melibatkan minat, kebolehan, kemahiran, sikap dan personaliti diri. Jika pelajar masih

kabur dengan perkara-perkara ini, sudah pasti mereka tidak tahu apa yang perlu dilakukan selepas tamat belajar nanti. Remaja yang jelas dengan minat, kebolehan, sikap dan personaliti mereka akan mempunyai motivasi dalaman (*intrinsic motivation*) sendiri untuk belajar dan berusaha mempertingkatkan pencapaian dalam pelajaran, supaya sesuai dengan perancangan kerjaya pada masa depan.

Kajian Hairunnaja Najmuddin bersama-sama dengan Kumpulan Pembimbing Rakan Sebaya UIAM kelompok yang keenam ke atas 227 pelajar Melayu tahun akhir daripada pelbagai kuliah di UIAM, kampus Gombak, Kuala Lumpur (2000) mendapati bahawa daripada sebelas kategori masalah yang disenaraikan dalam borang soal selidik menggunakan Senarai Semak Masalah Mooney (*Mooney Problem Check List*), masalah kerjaya dan pendidikan masa depan adalah masalah yang kedua utama selepas masalah pencapaian akademik.

Senario pelajar tidak pasti dengan kursus pendidikan yang diikuti, pelajar yang ingin bertukar kursus pendidikan dan pelajar yang tidak mengendahkan dunia kerjaya sentiasa berulang. Perkara ini tidak dapat dielakkan daripada berlaku jika langkah-langkah yang betul tidak diambil bagi membimbing mereka di peringkat awal lagi. Semenjak di peringkat sekolah rendah mahupun menengah lagi, para remaja sepatutnya perlu didedahkan dengan dunia kerjaya dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bersandarkan teori, pemilihan kerjaya oleh individu pada dasarnya adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang tertentu. Antara faktor-faktor penentu mungkin merupakan tret personaliti individu itu, persekitaran pekerjaan, minat individu, kebolehan dan kemahirannya, pencapaian akademiknya, konsep sendiri individu, orientasi pekerjaan, keperluan semasa, identifikasi individu dengan ibu bapa dan individu dewasa yang dominan terhadapnya, ganjaran pekerjaan dan kesesuaian antara nilai diri individu dengan nilai pekerjaannya.

Dari faktor-faktor pemilihan kerjaya berdasarkan teori yang disebut di atas, kajian ini akan menumpu kepada tret-tret personaliti individu dikaitkan hubungannya dengan bidang-bidang kerjaya yang serasi atau padan dengan tret-tret personaliti yang dimiliki. Tret-tret personaliti individu boleh diperolehi melalui pentaksiran psikometrik (PPSi) dalam Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) atau ujian-ujian psikologi yang asasnya dipelopori oleh beberapa tokoh perkembangan dan pemilihan kerjaya seperti Teori Pemilihan Kerjaya Tret dan Faktor oleh Frank Parson (1909), Teori Pemilihan Kerjaya Holland (1985; 1996), Teori Perkembangan Kerjaya Super, Teori Pemilihan Kerjaya Anne Roe dan Teori Psikoanalitik Bordin. Setiap teori yang diperkenalkan menekankan tret-tret tertentu, kemahiran, kecekapan yang dapat diukur dengan dengan tepat, konsisten dan selaras serta mempunyai hubungan dengan keperluan-keperluan asas dalam beberapa bidang pekerjaan.

Untuk memilih bidang kerjaya yang serasi dengan padanan tret-tret personaliti, Teori Pemilihan Kerjaya Holland akan dijadikan panduan utama sebagai acuan kajian ini. Pemilihan teori ini berbanding teori-teori pemilihan kerjaya lain adalah kerana kaedah mengurus ujian psikometriknnya mudah dan terdapatnya instrumen yang disediakan antara tret-tret personaliti dengan bidang-bidang kerjaya pilihan tersebut. Secara praktikalnya dalam konteks sekolah, pemilihan kerjaya menggunakan Teori Pemilihan Kerjaya Holland adalah jelas dan tepat, mudah diurus, banyak instrumen pengukur yang mana ianya akan berkesan dalam pengurusan memperolehi data pentaksiran psikometrik dan membuat pilihan kerjaya murid.

Tret-tret personaliti yang dikaji hubungannya dengan pemilihan bidang kerjaya dalam kajian ini berfokus kepada tret-tret personaliti dan bidang-bidang kerjaya utama. Tret-tret personaliti tersebut ialah autonomi, kreatif, agresif, ekstrovert, pencapaian, kepelbagaian, intelektual, kepimpinan, struktur, resilien, menolong, analitikal, kritik diri, wawasan dan ketelusan. Lima belas tret personaliti di atas dikaji hubungannya dengan enam bidang kerjaya berdasarkan persekitaran iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, enterprising dan konvensional.

1.3 Pernyataan Masalah

Masalah utama di mana individu murid tidak dapat membuat keputusan kerana mempunyai minat dalam pelbagai bidang, minat tidak jelas ataupun tidak mempunyai minat langsung pada apa-apa kerjaya. Melihat dan menggunakan kajian-kajian, satu dimensi pentaksiran, diarahkan untuk dilaksanakan ke sekolah-sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Lembaga Peperiksaan Malaysia dipertanggungjawabkan menyediakan instrumen pentaksiran disertai lengkap dengan panduan pengurusan secara berprosedur. Persoalan yang lahir dari pemerhatian saya sejak instrumen pentaksiran psikometrik dihantar ke sekolah-sekolah mulai awal tahun 2013 yang mana sepatutnya dilaksanakan dalam bulan Januari hingga Mac di seluruh negara, masih ada sekolah-sekolah yang sekadar melaksana dan mengurus Pentaksiran Psikometrik tersebut, tetapi belum digunakannya oleh pentadbir, ketua bidang, ketua panitia, guru-guru mata pelajaran, malah ibubapa dan diri murid sendiri.

Di dalam Pelan Strategik Sekolah, misalnya dalam perancangan akademik, oleh kerana tidak atau belum dibentangkan dalam kalangan sesama guru, maka guru-guru mata pelajaran tidak tahu dan tidak dapat memanfaatkannya semasa menyediakan alat bantu mengajar yang relevan dengan minat dan kecenderungan murid. Dengan kata lain, pengurusan pentaksiran psikometrik tidak dihubungkan dengan penggunaan hasil dapatan pentaksiran itu sendiri dalam pengurusan guru-guru menyediakan dan menyampaikan pengajaran apatah lagi dalam membantu hala tuju kerjaya.

Masalah tiada kesempurnaan semasa memilih kerjaya, iaitu remaja tidak dapat mengagak dengan baik minat, kebolehan dan personalitinya. Oleh kerana itu, pilihan kerjaya yang dibuat tidak serasi atau padan dengan sifat-sifat peribadinya. Masalah ini membawa kesedaran bertindak dalam bentuk atas ke bawah, mewajibkan setiap murid kenal minat, kebolehan dan personalitinya melalui pentaksiran psikometrik. Dengan data yang diperolehi dari pentaksiran psikometrik tersebut, berupa rangkuman data diri dalam bentuk tret personaliti

salah satu dari enam yang diagihkan mengikut Holland, maka pengurusan memilih dapat diserasikan dengan persekitaran atau bidang kerjaya pilihan.

Masalah kekurangan pengetahuan dan maklumat mengenai pekerjaan atau kerjaya dan akhirnya menimbulkan masalah identiti. Masalah seumpama ini memerlukan satu pendekatan untuk mengatasi kekurangan yang berlaku, iaitu kekurangan maklumat diri dan kekurangan maklumat bidang pekerjaan. Keputusan semasa memilih kerjaya adalah berdasarkan perbandingan seperti persekitaran kerja, keadaan kerja, peluang kenaikan pangkat atau imbalan gaji, status kerjaya, masa bekerja dan sebagainya. Semua ciri bidang kerjaya itu perlu padan dengan ciri tret personaliti diri yang memilih. Bekerja merupakan tuntutan hidup jangka panjang yang akan menentukan cara hidup. Seandainya maklumat diri dalam bentuk tret personaliti tidak jelas untuk dipadankan dengan bidang kerjaya yang dipilih, maka akan berlakulah ketiadaan atau kekaburan matlamat kerjaya. Apabila matlamat kerjaya tidak jelas, maka motivasi untuk mencapai kelayakannya juga akan tidak ada atau kabur. Implikasi kekurangan atau ketiadaan maklumat diri tersebut telah jelas menyebabkan murid-murid tidak ada matlamat belajar yang membawa krisis identiti serta merebak menjadi berbagai salahlaku disiplin.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan memastikan adakah terdapat hubungan antara lima belas tret personaliti dengan enam bidang kerjaya. Nilai ukuran hubungan tersebut digunakan dengan cara memadan atau menyerasikan nilai tret personaliti dengan nilai bidang kerjaya dalam kelompok mana ia berada. Keperluan ini menjadi asas untuk murid membuat keputusan sama ada memilih atau tidak memilih yang mana satu dari enam bidang kerjaya yang ada untuk dirinya, berpandukan nilai tret personaliti yang diperolehi setelah menduduki ujian psikologi atau inventori psikometrik.

Secara jelasnya, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti hubungan tret-tret personaliti dengan pemilihan bidang-bidang kerjaya murid. Dengan kata lainnya, bagaimanakah murid membuat pilihan bidang kerjaya

untuk menentukan kerjanya berasaskan maklumat diri menggunakan tret-tret personaliti yang dimiliki.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini akan menentukan kewujudan hubungan dan aras pengaruh antara Tret-tret Personaliti dengan Bidang-bidang Kerjaya seperti yang menjadi tujuan dalam Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS). Ia melibatkan pengurusan sekolah dan guru bimbingan kaunseling serta guru-guru mata pelajaran berpandukan teori-teori pengurusan, teori-teori perkembangan dan pemilihan kerjaya, pentaksiran psikometrik (ujian psikologi) dan model pengurusan strategik .

- 1.5.1 Dapatan kajian ini akan menjawab persoalan terdapat atau tidak terdapat Hubungan antara tret-tret personaliti dengan pemilihan Bidang Kerjaya Realistik.
- 1.5.2 Dapatan kajian ini akan menjawab persoalan terdapat atau tidak terdapat hubungan antara tret-tret personaliti dengan pemilihan Bidang Kerjaya Investigatif.
- 1.5.3 Dapatan kajian ini akan menjawab persoalan terdapat atau tidak terdapat hubungan antara tret-tret personaliti dengan pemilihan Bidang Kerjaya Artistik.
- 1.5.4 Dapatan kajian ini akan menjawab persoalan terdapat atau tidak terdapat hubungan antara tret-tret personaliti dengan pemilihan Bidang Kerjaya Sosial.
- 1.5.5 Dapatan kajian ini akan menjawab persoalan terdapat atau tidak terdapat hubungan antara tret-tret personaliti dengan pemilihan Bidang Kerjaya Enterprising.
- 1.5.6 Dapatan kajian ini akan menjawab persoalan terdapat atau tidak terdapat Hubungan antara tret-tret personaliti dengan pemilihan Bidang Kerjaya Konvensional.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian, soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

- 1.6.1 Adakah wujud hubungan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Realistik?
- 1.6.2 Adakah wujud hubungan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Investigatif?
- 1.6.3 Adakah wujud hubungan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Artistik?
- 1.6.4 Adakah wujud hubungan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Sosial?
- 1.6.5 Adakah wujud hubungan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Enterprising?
- 1.6.6 Adakah wujud hubungan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Konvensional?

1.7. Hipotesis Kajian

- H_{a1}: Terdapat hubungan yang signifikan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Realistik.
- H_{a2}: Terdapat hubungan yang signifikan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Investigatif.
- H_{a3}: Terdapat hubungan yang signifikan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Artistik.
- H_{a4}: Terdapat hubungan yang signifikan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Sosial.
- H_{a5}: Terdapat hubungan yang signifikan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Enterprising.
- H_{a6}: Terdapat hubungan yang signifikan antara tret-tret personaliti dengan Bidang Kerjaya Konvensional.

1.8 Signifikan Kajian

Kajian ini dijalankan atas kepentingan meninjau keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan Ujian Inventori Tret Personaliti (ITP) dan Ujian Inventori Minat Kerjaya (IMK) dalam pentaksiran psikometrik sebagai salah satu komponen Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan murid, khususnya bagi mendapatkan data tret personaliti dan data minat bidang kerjaya, yang akan digunakan oleh mereka bagi memilih bidang kerjaya secara padanan. Dengan mengetahui secara jelas tret-tret personaliti dan diserasi atau diselaraskan dengan bidang kerjaya, penetapan matlamat belajar akan lebih memotivasikan diri mereka ke aliran pembelajaran, seterusnya menuju ke bidang kerjaya pilihan. Ini sesuai dengan era transformasi pendidikan mutakhir yang memfokus kepada keberhasilan.

Dapatan dari kajian ini penting kerana ia boleh dikongsikan untuk membantu pengurusan sekolah terutama Unit Bimbingan dan Kaunseling dalam mengurus dan melaksana Pentaksiran Psikometrik (PPsi) di peringkat sekolah khususnya, dan merangsang penglibatan murid untuk menggunakan hasil dapatan bagi diri mereka membina jadual aktiviti harian secara holistik, bersama guru bimbingan dan kaunseling, yang akhirnya akan berkongsi guna dengan ibubapa mereka semasa memilih bidang kerjaya. Malah, guru mata pelajaran boleh berkongsi maklumat semasa penyediaan perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, termasuk penyediaan alat bantu mengajar. Dengan yang demikian, kemenjadian atau keberhasilan murid melalui pendidikan dalam sistem pendidikan akan lebih dibitarakan.

1.9 Skop Kajian

Kajian ini akan melihat hubungan bagaimana tret-tret personaliti yang terdiri dari lima belas konstruk dan enam bidang kerjaya dalam pentaksiran psikometrik (PPsi) dipadankan, dapat dilaksanakan dalam pengurusan peringkat sekolah menengah yang merangkumi perancangan, pelaksanaan, pengawalan dan penambahbaikan dan dalam institusi keluarga kalangan murid untuk memilih bidang kerjaya demi masa depan mereka.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas hanya dalam konteks sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. Subjek kajian ialah murid tingkatan empat sekolah-sekolah menengah harian yang terlibat di Wilayah Persekutuan Labuan, namun ianya boleh juga dijadikan rujukan atau panduan bagi sekolah-sekolah lain.

Pemilihan subjek dalam kajian ini dianggap sesuai secara bertujuan selari dengan topik kajian kerana ianya terdiri daripada murid peringkat persediaan SPM yang telah berada di aliran pembelajaran menuju bidang kerjaya dan diurus tadbir oleh organisasi sekolah dalam satu bentuk pengurusan. Semua subjek atau responden adalah mereka yang secara langsung berkaitan dengan penggunaan data pentaksiran psikometrik dan akan menggunakan data tersebut semasa memilih bidang kerjaya melalui pengajian mereka.

Selain itu pemilihan subjek kajian di sekolah-sekolah harian di Wilayah Persekutuan Labuan juga adalah kerana melihat potensinya dalam pelbagai bidang pekerjaan yang ada hubungkait dengan kajian. Status Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pelabuhan bebas dan pusat kewangan pesisir pantai menawarkan potensi kepada ke enam-enam bidang pekerjaan yang terkandung dalam kajian ini.

Dari tujuh buah sekolah harian yang ada, murid tingkatan empat yang ada secara menyeluruh berdasarkan perkiraan kelas yang hampir sama di setiap sekolah tersebut ialah 1,680 orang. Soal selidik yang diedar ialah 400 naskah, akan tetapi yang dapat dijadikan sampel kajian setelah proses penyaringan dilakukan hanyalah 132.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Sani Yahya. 2005. *Mengurus Sekolah*. Kuala Lumpur: Penerbit PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Abdul Shukor Abdullah. 2004. *Pengurusan Organisasi, Perspektif Dan Pemikiran Teori*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2011. *Guru Sebagai Pendorong Dalam Darjah*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ab. Aziz Yusof, Norashidah Hashim & Ooi Yeng Keat. 2004. *Penghantar Pengurusan*. Selangor: Pearson Sdn.Bhd.
- Ahmad Atory Hussin. 2004. *Penghantar Statistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Austin,L 1999. *The Conselling primer*.Philadelphia: Accelereted Develovement. Taylor and Francis Group.
- Borich, GD & Tombari, M.L. 1995.*Education Psychology: A Contemporary approach*. New York: Harper & Collins College Publisher.
- Burhan, N. 1994.*Perancangan Strategik*.Jakarta: Penerbit Pustaka Binaman Pressindol.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. 2011. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. (2nd Edition). Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. 2011. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan*. (2nd Edition). Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. 2012 *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. 2012. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Cohen, B. H. 1996. *Explaining Psychological Statistics*. Pacific Grove, CA: Brooks & Cole.
- Fazrul Ismail. 2012. *Master P.I.E.S Lonjakan Potensi Diri*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement. 30: 607-610.*
- Cronk, Brian. C. 2008. *How to Use SPSS: A Step-By-Step Guide to Analysis and Interpretation*. (5th Edition). London: Sage.
- Crow & Crow. 1985. *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crites, J.O. 1981. *Career counselling model methods and materials*. New York: McGraw- Hill Publishing Company.
- David Hirst. 2011. *How To Communicate with Anyone*. Petaling Jaya: Advantage Quest Publication Sdn. Bhd.
- Deobold P. Van Dalen. 2002. *Memahami Penyelidikan Pendidikan*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hairuddin Mohd. Ali & Muhammad Bustamam Abdul Manaf. 2009. *Perancangan Strategik Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn.Bhd.
- Hairunnaja Najmuddin. 2007. *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Hairunnaja Najmuddin. 2000. *The Problem of Final Year Students of the International Islamic University. Kajian Tinjauan IIUM Peers*. Jabatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya. Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. (Tidak diterbitkan).
- Harris-Bowlsbey, J., Spivack, J.D., Lisansky, R.S. 1983. *Take hold of your future A career planning guide*. Maryland: The American College testing program.
- Harris-Bowlsbey, J., Spivack, J.D., Lisansky, R.S. 1983. *Take hold of your future-Leaders manual*. Maryland: The American College testing program.
- Isaacson, Brown, D. 2000. *Career information, career counselling and career development*. Boston: Allyn & Bacon.

- Jamilah Abdul Hamid & Norashimah Ismail. 2005. *Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, Teori, Polisi dan Pelaksanaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2001. *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kevin Paul. 2007. *Study Smarter, Not Harder*. Selangor: Advantage Quest Publications Sdn.Bhd.
- Krishnan, K., T.T., *How to choose a career*.Klang: Ark Publications Sdn. Bhd.
- Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia. *Inventori Tret Personaliti (ITP)*.
- Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia.*Inventori Minat Kerjaya (IMK)*.
- Maznah Baba & Zainal Madon. 2007. *Kaunseling Individu Panduan Membimbing Individu Secara Praktikal Dan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan,dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. 2009. *Penulisan Kes Kaunseling Sekolah-sekolah Menengah Malaysia*. Selangor: Herald Printers Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusof Abdullah. 2006. *Pengaruh Motif, Sikap dan Latihan Perguruan Terhadap Profesionalisme Keguruan Di Kalangan Pelajar Program Pendidikan IPTA*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Majid Konting. 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. 1991. *Kaunseling Kerjaya, Teori dan Amalan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Norie Keegen Usin.2008.*Hubungan Antara Pengurusan Kokurikulum Dengan Penglibatan Murid Sekolah Menengah di Daerah Lawas, Sarawak*.Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Norman Sani. 2006. *Hubungan Pengurusan Dan Pelaksanaan Kokurikulum (Sukan) Dengan Pencapaian Atlit dan Sekolah Dalam Sukan*.Tesis Sarjana.Universiti Malaysia Sabah.

- Omardin Ashaari. 2000. *Pengurusan Sekolah, Suatu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Osipow, S.H. 1983. *Theories of career development*.New Jersey Prentice Hall.
- Osipow, S.H. & Fitzgerald, L.F. 1999.*Theories of career development* (edisi keempat). Boston: Allyn & Bacon.
- Hairuddin Mohd. Ali & Muhammad Bustamam Abdul Manaf. 2009. *Perancangan Strategik Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Peterson, J.V. & Nisenholtz, B. 1999.*Orientation to counselling* (edisi keempat). Boston: Allyn & Bacon.
- Robert T. Kiyosaki & Hal Zina Bennett. 2010. *If You Want To Be Rich & Happy*. Petaling Jaya: Advantage Quest Publications Sdn.Bhd.
- Rosinah Edinin. 2011. *Penyelidikan Tindakan Kaedah Dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd Noah. 1998. *Maklumat Kerjaya*. Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. 1998. *Kaunseling Kerjaya Gunaan*. Universiti Putra Malaysia.
- Sarinah Abd Sani. 2007. *Hubungan Konsep Kendiri Dengan Kepimpinan Dalam Kegiatan Kokurikulum Pelajar Menengah Di Daerah Papar*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Sharf, R.S. 1992. *Applying career development theory to counselling*.California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Sidek Mohd Noah. 1998. *Pengujian dalam psikologi dan kaunseling*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. 2003. *Perkembangan Kerjaya teori dan praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. 2003. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang, Selangor: Aslita Sdn. Bhd.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. 2001. *Pentadbiran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zuraidah Abdul Rahman. 1991. *Pengurusan Program Pembimbing Rakan Sebaya. Jurnal Pengurusan Pendidikan. Jilid 2, Bil. 1.* Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pahang Darul Makmur.